

Efficort[®] Cream

Hydrocortisone aceponate

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Efficort[®] Cream
2. Bagaimana Efficort[®] Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Efficort[®] Cream
4. Cara menggunakan Efficort[®] Cream
5. Semasa menggunakan Efficort[®] Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Efficort[®] Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Efficort[®] Cream
Efficort[®] Cream terbaik digunakan untuk contact dermatitis, atopic dermatitis seperti eczema, psoriasis dan lichenification.

Bagaimana Efficort[®] Cream berfungsi

Efficort[®] Cream mengandungi menthol hydrocortisone aceponate yang bertindak balas pada sesetengah bengkak dan proses pembentukan elergi seperti atopic dan/atau contact dermatitis.

Sebelum menggunakan Efficort[®] Cream

Larangan Penggunaan Efficort[®] Cream

Dilarang menggunakan Efficort[®] Cream di bahagian kulit yang luka atau rosak.

Cara menggunakan Efficort[®] Cream

Picit sedikit di hujung jari dan sapukan pada tempat yang ingin dirawat. Basuh tangan setelah menggunakannya.

Dewasa:

Efficort[®] Cream digunakan sedikit sahaja di tempat yang sakit satu atau dua kali sehari, kecuali mendapat perskripsi/arahan khas.

Untuk penggunaan yang berkesan, gunakan sedikit sahaja di bahagian yang sakit beberapa kali sambil melakukan urutan perlahan sehingga ubat diserap sepenuhnya oleh kulit.

Penggunaan hanya terhad pada dua kali sehari. Penggunaan yang berlebihan tidak akan mempercepatkan proses baik pulih dan berkemungkinan hanya akan memberi kesan sampingan yang serius.

Bayi dan Kanak-kanak

Penggunaan sehari sekali adalah mencukupi kecuali diarahkan atau mendapat perskripsi khas.

Penggunaan harian yang berterusan perlu dihadkan (untuk tempoh 1 minggu). Jika ingin gunakan lebih dari tempoh yang dinyatakan, selang selikan/jarakkan penggunaan. Dilarang membalut tempat yang ingin dirawat bagi bayi dan kanak-kanak.

Waktu Menggunakannya

Adalah disarankan untuk menggunakan Efficort[®] Cream dua kali sehari untuk dewasa dan hanya sekali sehari untuk bayi dan kanak-kanak.

Tempoh Penggunaan

Tempoh menggunakan Efficort[®] Cream adalah bergantung kepada dosej yang dinyatakan; atau arahan khas daripada doktor atau ahli farmasi.

Jika Lupa Menggunakannya

Gunakan HANYA mengikut dosej yang ditetapkan sebaik sahaja anda ingat atau perlu menggunakannya.

Penggunaan yang Berlebihan (overdose)

Efficort[®] Cream adalah untuk kegunaan di bahagian luaran atau bahagian kulit sahaja. Penggunaan ubat ini secara berlebihan tidak akan

mempercepatkan proses baik pulih dan dikhuatiri hanya akan memberi kesan negatif pada kulit.

Peringatan Ketika Menggunakan Efficort[®] Cream

Peringatan

Jauhkan dari kanak-kanak.

Larangan

Jangan lanjutkan penggunaan di bahagian muka yang mempunyai 'high-potency corticosteroids' kerana ianya akan meningkatkan corticosteroids-induced dermatitis.

Gunakan HANYA mengikut dosej yang ditetapkan.

Jika menggunakan ubat di kawasan kelopak mata, tempoh penggunaan harus dihadkan. Penggunaan dalam tempoh masa yang lama akan meningkatkan risiko mendapat glaucoma dan lain-lain kesan yang dapat dilihat.

Kesan Sampingan

Penggunaan 'potent corticosteroids' pada bahagian luaran atau kulit yang berskala besar (30% meliputi kawasan badan dan lebih) dan/atau menggunakan dalam tempoh yang lama (melebihi 2 minggu) berkemungkinan akan membawa kesan seperti tertera:

- Bengkak pada liang roma
- Peningkatan pada kadar pertumbuhan bulu (hypertrichosis)
- Pertukaran warna pada kulit
- Kerosakkan pada kulit

Gangguan pituitary-adrenal axis pada kulit untuk pengambilan ubat secara systemic mungkin berlaku, terutama pada sekitar rawatan yg dibalut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers

Efficort[®] Cream

Hydrocortisone aceponate

→ *Reporting Side Effects to Medicines
(ConSERF) or Vaccines (AEFI).*

Pemyimpanan dan Pelupusan Efficort[®] Cream

Simpan pada suhu bilik ($\leq 30^{\circ}\text{C}$). Jauhkan dari kanak-kanak.

Maklumat Produk

Efficort[®] Cream ialah krim putih berminyak, ianya krim lembut water-in-oil; dengan sedikit bau badam.

Maklumat lanjut

Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif: hydrocortisone aceponate.

Bahan Tidak Aktif: petroleum putih, benzyl alcohol, lilin SE, air yang ditapis, stearyl alcohol.

MAL no:

MAL19972490AZ

Pengilang

Lichtenheldt GmbH Pharmazeutische Fabrik
Lichtenheldt GmbH - Werk I
Industriestrasse 7-11
23812 Wahlstedt
Germany

Pemegang Pendaftaran Produk:

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
No 2, Jalan PJU 3/49, Sunway Damansara,
47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RiMUP

06/09/2023

Nombor siri: NPRA(R2/1)230905/1134